

BERUSAHA DAN TENAGA SENDIRI ITULAH AJARAN ISLAM

Nasib kita adalah bergantung kepada usaha kita sendiri – tidak kepada usaha orang lain. Demikian juga kedudukan kita sebagai satu bangsa berhadapan dengan bangsa lain adalah bergantung kepada kecekalan dan kesungguhan kita sendiri, tidak kepada kecekalan dan kesungguhan bangsa lain: kita tidak akan menerima kehormatan yang sebenar-benarnya, kalau tidak kita sendiri mengusahakan sebab-sebab yang menjadikan kita jadi terhormat. Yang tersebut ini adalah ukuran dan timbangan yang sesuai dengan keterangan agama Islam, dan sesuai dengan aturan yang berlaku di dalam alam ini!

Daripada agama Islam kita dapati keterangannya di dalam al-Qur'an: *inna Allāha lā yughayyirumā bi qawmu hattā yaghayyirū mā b'ānfusihim* (al-Ra'ad 11).

(Maksudnya): “Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum itu sehingga kaum itu sendiri mengubah keadaannya”.

Di dalam ayat ini Allah Subhānu wa Ta'ālā telah menerangkan bahawa kalau tidak kita sendiri yang memperbaiki nasib kita, atau kita sendiri tidak mahu mengubah keadaan kita, daripada keadaan renda menjadi mulia, dari bodoh

(oleh Muhammad 'Alī al-Hamīdī daripada “*Ruh Al-Manbir*”)

menjadi pandai, dari hina menjadi tinggi nescaya tidaklah kekuatan di alam ini yang dapat mengubah dan memperbaikinya bahkan Tuhan sendiri dengan tegas mengatakan bahawa Ia tidak mahu mengubah keadaan kita, kalau tidak kita sendiri bekerja mengubahnya.

Apakah yang harus kita ubah dalam diri kita? Bukan rupa kita, bukan pakaian kita dan bukan perhiasan kita. Tetapi ialah keadaan kita. Sebagai satu bangsa yang hendak meningkat mulia dan terhormat, haruslah mengubah dan memperbaiki segala keadaan yang merosak dan buruk, menyempurnakan

segala kekurangan dan membuang segala sifat-sifat yang merendahkan darjat diri kita. Kalau kita telah mengubah keadaan diri kita, kita membaiki segala kerosakan, kita sempurnakan segala kekurangannya nescaya jumlah kita dengan sendiri menjadi baik – demikianlah maksud ayat al-Quran tadi.

Peraturan dalam alam dunia ini pun demikian juganya. Kedudukan seorang hamba tak dapat disamakan dengan kedudukan seorang tuan. Kalau kita hendak hidup sejajar atau setaraf dengan bangsa-bangsa lain yang telah merdeka, maka lebih dahulu kita harus hidup merdeka. Perasaan diri hina dan rendah harus kita hapuskan daripada diri kita, dan hendaklah kita tanam satu keyakinan bahawa persediaan menerima dan menolak yang ada pada diri kita, sama seperti yang Tuhan berikan kepada orang lain. Dalam hal ini tidaklah ada perbezaan antara satu bangsa dengan bangsa lain. Semuanya itu bergantung kepada kecekapan dan kesungguhan tiap-tiap bangsa tadi. Siapa yang rajin dan bersungguh-sungguh mencari nescaya ialah yang akan mendapat: dan barang siapa yang malas dan mengharap-harap pertolongan orang lain nescaya ia akan tertinggal dan terkebelakang.

Ini nasib kita di dunia dan nasib kita di akhirat pun bergantung kepada usaha kita di dunia – sebab dunia ini adalah *mizra'at al-akhirat*: tempat bertanam untuk

akhirat. Dalam hal ini kerap kali orang-orang Islam tak tahu benar peraturan dan undang-undang Islam yang termaktub dalam al-Quran menyangka bahawa dunia ini bukan bahagian kaum Muslimin tetapi bahagian orang-orang kafir. Supaya kekeliruan faham ini jangan terus menerus berurat berakar pada bangsa kita jika mustahak di sini diterangkan satu faham yang menyalahi tujuan agama Islam dan merugikan kaum Muslimin.

Suatu faham yang telah menjadi darah daging kepada umat Islam bangsa kita pada zaman yang akhir-akhir ini iaitu dunia ini tidak ada perhubungannya dengan akhirat. Dunia lain, akhirat lain; dan dunia tidak berguna untuk akhirat. Faham ini terbit kerana salah faham dan keliru memahamkan, kerana menerima keterangan itu tidak dengan menggunakan akal. Sedapat-dapatnya janganlah faham ini terus menerus sampai kepada anak cucu kita: kerana faham ini termasuk dalam firman Tuhan yang maksud-Nya: “katakanlah (hai Muhammad kepada (umatmu) mahukah aku khabarkan kepada kamu akan orang yang paling rugi dalam amalnya? Iaitu orang yang telah sesat usahanya dalam penghidupan dunia dan mereka mengira bahawa perbuatan mereka itu baik.”

Cuba perhatikan lagi hadis Nabi (SAW) yang kerap kali guru-guru agama menerangkan kepada murid-muridnya dan kepada umum maksudnya tidaklah baik daripada kamu orang yang meninggalkan dunianya kerana akhiratnya dan meninggalkan akhiratnya kerana dunianya, tetapi hendaklah ia ambil kedua – kerana dunia ini perantaraan bagi akhirat, dan janganlah kamu memberatkan urusan kepada manusia.

Daripada keterangan hadis ini kita faham bahawa yang diambil dan dipetik nanti di akhirat ialah buah daripada tanaman dunia. Tanaman itu tidak terdiri dari sembahyang dan zikir sahaja tetapi berdiri dari segala macam usaha dan dalam segala perbuatan-perbuatan dalam segala medan pergaulan dan perhubungan di antara sesama manusia.

Cuba kita fikirkan bahawa alam fikah itu terbahagi

kepada umat bahagian: yang pertama perkara ibadat dan semua yang berkait dengan ibadat. Yang kedua – perkara nikah dan semua yang berkaitan dengannya. Yang ketiga : perkara jual beli, sewa menyewa dan yang berkaitan dengannya: yang keempat – hukum keamanan negeri dan semua yang berkaitan dengannya, seperti hakim dan lain-lain sebagainya.

Maka keempat-empat bahagian itu adalah tanaman untuk akhirat. Ini mengikut hukum agama. Adat istiadat yang mulia juga untuk akhirat : mendirikan kerajaan taat kepada *ūlī al-amr* sendiri berkaum keluarga dan berbangsa-bangsa itu juga untuk amal akhirat. Orang yang faham makna dan maksud tujuan al-Quran tentulah mengetahui bahawa Allah menyuruh kita menolong keluarga, menolong orang sekampung menolong fakir miskin dan orang yang kesusahan, menolak bahaya dalam negeri dan menolak kezaliman semuanya ini juga sebagai tanaman untuk akhirat.

Tetapi tiga bahagian alam fikah yang akhir itu tidak diketahui oleh umum sehingga urusan menikahkan anak sendiri, boleh dikatakan jarang yang pandai apalagi membahagi pusaka, dan lebih lagi yang bertali dengan perkara mahkamah dan kenegaraan.

Maka faham mengasingkan dunia daripada agama dan mengasingkan masyarakat juga mengasingkan negara dari agama, faham ini adalah sangat merugikan umat Islam. Cuba sedikit sahaja kita jalankan akal fikiran bahawa beribadat itu bergantung kepada syarat hidup – syarat hidup bergantung kepada masyarakat dan masyarakat bergantung kepadanya aturan dan undang-undang, sedang undang-undang itu perlu ada yang mengatur dan mengawasinya iaitu *ūlī al-amr*.

Kita tidak dapat menyempurnakan perintahan agama, kalau dunia yang bersangkutan dengan agama tidak sempurna, iaitu iktisad kita. Dan tidak sempurna iktisad kita kalau masih terhalang mengatur dan memperbaikinya. Halangan itu (sambungannya pada muka 31)

tidak hilang melainkan sesudah merdeka dan berdaulat.

Satu lagi yang harus kita perhatikan bahawa kekuatan dan kesanggupan rakyat itulah yang dapat menciptakan kedaulatan. Maka kalau rakyat tidak mengutamakan kedaulatan bermakna mengutamakan agama. Kerana itu hendaklah kita curahkan sepenuh-penuh perhatian kita dalam segala usaha kita walau pun di mana jua kita bekerja, dan biar apa juga medan kita berjuang namun tujuannya ialah tujuan yang satu itu menuntut kemerdekaan bangsa dan negara yang berdaulat supaya dapat kita menjalankan semua perintah agama dengan bebas dan berleluasa-dan sekali-kali jangan kita lupa bahawa dunia ini tempat kita berjuang.

(Sambungan dari muka 11)

Demikian keterangan sebab-sebabnya kita masing-masing diperintah supaya kita bertawakal kepada Allah. Dan demikianlah tujuan tawakal yang diperintahkan oleh Allah sebagai yang termaktub di dalam beberapa ayat al-Quran!

Keterangan Daripada Nabi (SAW)

Nabi kita (SAW) dalam member keterangan tentang tawakal di antara lain telah pernah bersabda yang ertinya sebagaimana yang tertera di atas. Maksudnya: Jika kita bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benarnya, haruslah disertai berusaha, bekerja dan berikhtiar, sebagaimana burung mencari makan bago isi perutnya, pada pagi-pagi hari ia keluar dari sarangnya dengan perut kosong atau dalam keadaan lapar, tetapi pada petang hari ia balik ke sarangnya dengan perut penuh atau dalam keadaan kenyang.

Jadi ertinya tawakal yang sebenarnya itu bagi orang yang hendak mencari rezeki pemberian Allah itu bukannya bermenung di rumah, bukannya berdiam di surau sambil menanti-nanti pemberian daripada Allah, tetapi harus keluar daripada rumahnya

dan berangkat daripada tempat kediamannya. Lalu berusaha atau bekerja mencari rezeki di tempat-tempat yang ada rezeki pemberian Tuhan Yang Maha Pemurah itu, sekadar menurut kekuatan, kepandaian dan kecakapan yang ada pendiri kita masing-masing.

Demikianlah daripada antara keterangan Nabi kita (SAW) tentang tawakal bagi orang yang hendak menuntut rezeki kurnia Allah yang telah disediakan untuk kita. Ada pun keterangan Nabi (SAW) yang berkenaan dengan urusan memelihara suatu barang di antara lain-lain sebagai berikut:

Ada seorang lelaki datang menghadap kepada Nabi (SAW) pada hal ia berkenderaan unta, ketika itu lalu ia bertanya kepada Nabi: “Apakah unta ini saya ikat dan saya bertawakal ataukah saya lepaskan dan saya bertawakal?” Nabi bersabda: “Ikutlah olehmu akan dia dan bertawakallah kamu!” (maksud hadis riwayat Tirmidhī daripada Anas).

Maksudnya terang dan jelas, unta itu supaya diikat dahulu dan orang yang mempunyainya supaya bertawakal dengan riwayat ini jelas kepada kita bahawa “Tawakal” itu sebagai kelanjutan daripada usaha dan ikhtiar; dan bukanlah tawakal itu terlepas daripada usaha dan ikhtiar. Nabi (SAW) ketika itu tidak memerintahkan supaya unta tadi dilepaskan begitu sahaja dan bertawakal. Oleh sebab itu dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa untuk memelihara unta daripada hilang maka diperintahkan supaya diikat dahulu, dan orang yang mempunyainya kemudian diperintahkan bertawakal. Jadi andai kata unta tadi sesudah diikat tiba-tiba hilang entah kerana lari atau dibawa orang lain, itu bukannya menjadi urusan manusia atau di luar urusan tuannya. Dengan demikian fahamlah kita bahawa andai kata ada orang di antara kita yang katanya “Tawakal” kepada Allāh tetapi tidak berusaha tidak bekerja dan tidak berikhtiar mengikut sebagaimana yang diperintahkan Allāh dan dipimpin oleh Rasul-Nya (SAW) maka tidaklah bermakna ia bertawakal kepada Allāh.